

Giliran menunggu tunai ibadah haji akan dipendekkan

KOSMO (09/04/2019) M/S 10


PUTRAJAYA - Lembaga Tabung Haji (TH) akan mencari kaedah untuk memendekkan tempoh menunggu bagi pende-positnya mendapat giliran me-nunaikan ibadah haji.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof (**gambar kecil**) berkata, langkah itu akan dilakukan pihak pengurusan TH selepas berjaya mengimbangi kedudukan kewangannya yang sebelum ini mengalami defisit sehingga RM4.1 bilion.

“Kita kini mahu fikirkan bagaimana untuk mengurangkan waktu menunggu giliran haji yang panjang sehingga ada yang mencapai 100 tahun. Ia boleh dilakukan, ada caranya,” kata beliau pada sidang akhbar selepas Program Rakan Masjid dan Hospital di sini semalam.

Berdasarkan laporan sebelum ini, jumlah pendaftaran haji mencecah lebih 2.9 juta orang sehingga 28 Februari 2018.

Mengenai kewangan TH, Mujahid menjelaskan, setakat 31 Disember 2018, TH merekodkan aset keseluruhan berjumlah RM76.5 bilion sekali gus men-



PULUHAN ribu jemaah Malaysia menunaikan haji pada setiap tahun di Tanah Suci. - Gambar hiasan

catkan lebih aset sebanyak RM1 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

“Alhamdulillah, walaupun kita ambil alih TH pada Jun 2018 dalam masa tak sampai setahun kerana ada komitmen dan azam politik serta kepimpinan profesional kita berjaya imbangi kedudukan antara aset dan liabiliti,” ujarnya.



Untuk pelan yang seterusnya, Mujahid memberitahu, TH akan melihat keperluan penstrukturan semula dari sudut kewangan untuk menjaga kebajikan jemaah.

“Jika penstrukturan yang dirancang TH berjalan lancar, hibah pada tahun kewangan 2019 akan lebih meningkat dan lebih baik,” katanya.